



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 12.00 tengah hari, 19 September 2026.

Untuk Terbitan Media
19 September 2026

SIARAN MEDIA

FESTIVAL MEGA iLINDUNGU TAWAR 2,000 PELUANG PEKERJAAN, RM1.5 JUTA SUMBANGAN LINDUNG 500 PEKERJA GIG

KUALA LUMPUR: Sebanyak 2,000 peluang pekerjaan dengan tawaran gaji sehingga RM12,000 serta lebih RM1.5 juta sumbangan daripada penyedia platform bagi memperluas perlindungan keselamatan sosial pekerja gig menjadi antara manfaat utama Festival Mega iLINDUNGU: KESUMA Bersama Rakyat di Strand Mall, Kota Damansara.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan berkata, menerusi MYFutureJobs, sebanyak 25 majikan menyertai festival berkenaan dengan menawarkan kira-kira 2,000 kekosongan pekerjaan, melibatkan tawaran gaji antara RM2,000 hingga RM12,000.

"Fokus kita jelas. Rakyat yang datang bukan sekadar mendapatkan maklumat, tetapi kita mahu mereka pulang dengan peluang pekerjaan, akses kepada perlindungan sosial dan penyelesaian yang boleh memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka.

"Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan atau mahu meningkatkan kerjaya, rebut peluang ini. Kita membawa majikan dan peluang pekerjaan terus kepada rakyat," katanya ketika merasmikan festival berkenaan.

Selain itu, sebanyak RM48,000 disalurkan oleh Menteri Sumber Manusia menerusi LINDUNG Kasih Suri Rumah, sekali gus memperluas manfaat perlindungan kepada 400 penerima suri rumah.

Manakala, Foodpanda menyumbang RM1 juta, Grab RM500,000 dan Halo RM14,412.40, menjadikan keseluruhan sumbangan sebanyak RM1,514,412.40, yang akan memberi manfaat kepada 500 pemandu e-hailing dan penghantar p-hailing.

"Di sebalik setiap rider dan pemandu ada keluarga yang bergantung kepada pendapatan mereka. Sebab itu perlindungan sosial bukan perkara diambil ringan. Ia adalah jaringan keselamatan yang amat penting apabila berlaku sesuatu yang tidak dijangka.

"Kerjasama seperti ini menunjukkan bahawa kerajaan dan industri boleh bergerak bersama untuk memastikan pekerja gig bukan sahaja mempunyai peluang mencari pendapatan, tetapi turut mempunyai perlindungan," katanya.

Festival Mega iLINDUNGU turut menyediakan kaunter khas Opt-In LINDUNG 24 Jam, membolehkan pekerja yang sebelum ini memilih untuk tidak meneruskan perlindungan berkenaan mendaftar semula secara terus sepanjang festival dari 18 hingga 20 September.

Majikan pula berpeluang menikmati diskaun sehingga 80 peratus bagi Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB), manakala pengunjung boleh membuat semakan caruman, mendapatkan khidmat nasihat berkaitan faedah serta mendaftar skim PERKESO.

Turut hadir Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Festival tersebut turut memperkukuh aspirasi KESUMA Bersama Rakyat dengan menghimpunkan 11 agensi dan jabatan lain di bawah KESUMA, termasuk Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

“Pendekatan bersepadu sebegini membolehkan masyarakat mendapatkan maklumat, khidmat nasihat dan akses secara langsung kepada pelbagai perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung.

“KESUMA Bersama Rakyat membawa satu mesej yang jelas; kita tidak mahu rakyat tercari-cari perkhidmatan kerajaan. Sebaliknya, kitalah yang perlu turun padang, mendekati mereka, mendengar suara mereka dan membawa penyelesaian terus ke tengah-tengah masyarakat,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

19 September 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my